

RM 30.00



Pengantar Terkekang

A. Samad Idris



A. SAMAD IDRIS

Dengan

PAYUNG TERKEMBANG

Hak Penyusun dilindungi Undang-Undang

Cetakan Pertama 1990

Diterbitkan oleh

Pustaka Budiman

77-1 Jalan Kampung Pandan, 55100 Kuala Lumpur

Telefon: 9850499, Fax: 9858411, Telex: 31788

Dicetak oleh:

Malindo Printers,

Lot 3, Jln. 15/17, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Untuk Menungan Bersama

Penakik Pisau Seraut
Ambil Galah Batang Lintabung
Selodangnya Jadikan Nyiru

Setitik Jadikan Laut
Sekepal Jadikan Gunung
Alam Berkembang Jadikan Guru

Pantun Orang Tua-tua

Cuba nilai sendiri sejauh mana kebenarannya:

Puas sudah menanam ubi
Nenas juga dibeli orang
Puas sudah menabur budi
Emas juga dipandang orang

Apa pula kata Prof. Dr. Hamka:

Dulu rebab nan batangkai
Kini lagundi nan babungo
Dulu adat nan bapakai
Kini rudi* nan paguno

Nilai pula yang ini:

Kalau tuan menanam padi
Tanam ubahnya jarang-jarang
Kalau sudah menabur budi
Seumur hidup dikenang orang

- Apakah benar begitu?

*Rudi - Duit Belanda

Terhutang Budi:

Dharmala N.S.
Fadzillah Ibrahim
Pauzaayah Nordin

KANDUNGAN

M/Surat

1.	Sedikit mengenai buku ini	1
2.	Balada anak pertiwi	3
3.	Kata-kata Aluan dari	
	- Menteri Besar Negeri Sembilan	13
	- Harun Zain Bekas Gabenor & Bekas Menteri	14
	- Azwar Anaz Bekas Gabenor & Menteri Perhubungan	17
	- Hasan Basri Durin Gabenor	18
4.	Pertembungan dua budaya	32
5.	Hasrat Hati	43
6.	Lawatan Pertama	51
7.	Darah Perantauan	67
8.	Nama-nama suku di Negeri Sembilan	77
9.	Asal nama Seri Menanti	80
10.	Menjemput Raja	90
11.	Negeri Sembilan purbakala	95
12.	Negeri Sembilan di satukan kembali	131
13.	Lahirnya nama Negeri Sembilan	137
14.	Bendera Negeri	142
15.	Sedikit tentang adat istiadat	147
16.	Gelaran Yang Dipertuan (Yamtuan)	149

17.	Gelaran Undang	153
	- Undang dan Undang-Undang	158
18.	Kata Penutup Seminar Adat	160
	- Surat Gabenor Harun Zain	164
19.	Team Kesenian	166
20.	Lagu Payung Terkembang	198
21.	Lagu Indahnya Alam Negeri Moyangku	203
22.	Missi Muhibah Kesenian	209
	- Catatan Datuk Rashid Manggis	
23.	Raja Melewar	257
24.	Istana Lama	262
25.	Perlantikan adinda bukan kali pertama	266
26.	Negeri Sembilan sekarang	274
	- Menteri-Menteri Besar	
27.	Sedikit tentang Malaysia	295
	- Menteri Kabinet	311
28.	Gelaran Datuk Bagi Gabenor Sumatera Barat	318
	- Titah DYMM Tuanku Jaafar	320
	- Ucapan Harun Zain	322
29.	Gelaran Pesaka Diraja	331
30.	Kota Bersaudara Bandar kembar Bukit Tinggi/Seremban	340
31.	A. Samad Idris digelar Dato' Minangkabau	350

32.	Asal Minangkabau	371
33.	Satu Analisa Mengenai Asal Nama	374
34.	Kerajaan Pasumayam Kota Batu	377
35.	Kerajaan Bukit Batu Patah Pagar Ruyung	388
36.	Peradaban Minangkabau sampai Abad XII	393
37.	Kerajaan Bungo Setangkai di Sungai Kayu Batarok	404
38.	Bundo Kanduang	411
39.	Luhak nan Tigo	415
40.	Pandangan Sarjana Barat	421
41.	Undang-undang nan XX	424
42.	Kerajaan Dusun Tuo Lima Kaum	429
43.	Hubungan dengan negeri luar	436
44.	Warna Palambang atau bendera/ Marawa Minangkabau	437
45.	Yang Dipertuan Sakti Raja Hitam Tuanku Raja Alam Bagagarsyah Johan Berdaulat Raja Terakhir	439
46.	Tokoh-Nama Orang dan Tempat	446

SEDIKIT MENGENAI BUKU INI

Buku ini sengaja saya tuliskan dengan maksud supaya rakyat kedua-dua negara kita Malaysia/Indonesia dan Negeri Sembilan/Minangkabau sebanyak sedikit mengetahui akan salur galur sejarah kedua-dua daerah ini secara ringkas.

Orang-orang Negeri Sembilan khususnya tentunya ingin mengetahui asal usul negeri nenek moyangnya. Manakala orang-orang Minangkabau pula ingin mengetahui apa yang telah berlaku kepada nenek moyangnya yang telah merantau jauh sejak beratus tahun yang lalu.

Tentu saja tidak semua di antara kita yang berpeluang melawat kedua-dua negeri dan daerah ini, tetapi dengan membaca buku kecil ini sebanyak sedikit mereka akan dapat gambaran yang nyata walaupun tidak secara mendalam.

Atas kesedaran inilah saya telah meminta Datuk Bendaro Lubuk Seti seorang pegawai dari kantur Gabenor Sumatera Barat Padang dan seorang tokoh sejarah yang tidak asing lagi di Minang untuk menuliskan sejarah Minangkabau, diadunkan dalam sebuah buku bersama-sama dengan tulisan saya mengenai Negeri Sembilan, semoga ada munafaatnya.

Wassallam

A.S.I.

BALADA ANAK PERTIWI

i

Deburan ombakmu Selat Melaka
bukan pemisah pantai sejarahnya
dua rumpunan bangsa dari satu injap keturunan
sekian lama resah gelisah mimpiku
menatang bimbang masa silam yang hilang

Di gunung gemilang di laut sejahteramu
telah terukir kemegahan yang tak terperikan
dari Seri Vijaya ke Majapahit, Bugis, Acheh dan Langkasuka
kau kibarkan panji-panji keagungan -
Pagar Ruyung, Melaka, Johor-Riau, Pasai, Mataram dan Champa
kau binakan satu kerajaan besar bernama MELAYU

Tidak perlu pasport atau visa
kita jejakkan kaki ke segenap penjuru mu
kerana daerah ini milik kita bersama!

Mereka - tangan-tangan penjajah membina sempadan
memisahkan kita di sebalik benteng kuasanya
nafsu tamak menutup segala erti kemanusiaan

Mereka dedahkan pintu terbuka luas
kepada siapa saja yang berkeinginan
kita menjadi sepi, hina sebagai anak-anak abdi
meminggir di teratak sendiri

Ah, mereka agihkan negara kita
dicarik-carik dibelah bagi
bagaikan milik pesaka dari harta nenek moyangnya!

ii.

Telah dilalui satu detik menjadi kenangan pahit
sejarah pilu bukan lagi untuk ditangiskan
dan kita hanya terpisah di atas kertas

Kini himpulkan janji anak-anak tercinta
- anak pertiwi di bumi merdeka-
digenggaman tangan dijabat erat sebuah ikatan
rebah bangunnya bersama:
budaya dan adat istiadat Melayu
tegak segaknya menjunjung khidmat
warisan bangsamu!

Nah! generasi penerus amalan
tadahkan dadamu ke laut kejujuranmu
di puncak gunung keyakinan di dasar lurah kesetiaan
lenyapkan segala sengketa

pandanglah hala ke depan tembok mencabar
tolehlah jauh ke belakang benteng cekalnya
langkahmu gerak bangsa dalam genggamanmu
cuai lalai bererti maut

iii.

Atas keyakinanmu anak-anak pertiwi
di bumi tercinta ini;
kita sedut bersama udara kebebasan
dengan nadi berdenyut darah mengalir hangat
melangkaui bukit-bukau gunung-ganang lurah dan jeram
puncak kemenangan segala sumpah gemilang

Pun di ombak gelombang menghempas ke pasir pantai
burung camar berpapasan mengejar senja
ikan-ikan di sungai berenang bermain arus
di laut menunda ombaknya
haiwan ganas di rimba - haiwan jinak ternakmu di riba
rumput-rumpai dan kayu-kayan menjulang tinggi
nyamuk dan lalat berterbangan bersama debu duka
merak mendung mengigal bersahutan
kicau murai di subuh dingin
menyedarkan kita di atas warisan budaya ini
- segalanya menjadi saksi
kitalah pemilik mutlaknya

iv.

Usah pula dikhianati setianya anak-anak pertiwi
apakah kerana itu gerangannya
kerana keluhuran budimu
kera di hutan disusukan
anak di pangku diletakkan
dagang lalu ditanakkan
laki pulang kelaparan


Kerana telah kau mungkiri
janji anak-anak pertiwi
dalam jabat erat genggaman tangannya
kau ambil kesempatan ini

Lalu di airmata yang tumpah
mereka hampir bergelandang menadah tangan
meminta harap belas kasihan
di mukanya arang di kakinya onak terancang
kerana di setiarela kau berdusta:
air tebu dibalas tuba
seteguk air berdebu kaca
sesuap nasi berpasir kerikil
hingga degup berakhir


v.

Kini anak-anak pertiwi meminta tanda
sumpah bertuah yang dimimpikan
patah tumbuh hilang berganti
bersama tabah-yakin keberanian
di sini sumpah nenek-moyang di bumi keramat
jangan kau mungkiri
jangan kau khianati
pegang teguh janjimu

Cahaya fajar memancar sinar
di sebalik jangkauan kaki langit
setinggi gunung harapan
seluas samudera idaman
kita satu dalam ikatan



*Lambang atau Cogan Negeri,
Negeri Sembilan*



Bendera Negeri, Negeri Sembilan

PAYUNG TERKEMBANG

Dengan taufik dan hidayah Allah S.W.T. dan berkat syafaat junjungan kita Nabi Besar Muhammad S.A.W., dengan segala rendah hati saya persembahkan secebis kisah ini untuk santapan rohani bersama semoga dapat kita meniti ingatan bagaimana ketabahan orang tua-tua dulu dalam mengharungi gelombang hidup.

Satu Januari, 1968 adalah satu tarikh yang mengandungi erti yang bermakna bagi diri saya kerana pada hari inilah saya mula menjejakkan kaki di bumi nenek moyang nan indah ini yang begitu lama menjadi impian yang tidak kunjung padam dalam ingatan.

Maksud awalnya, walaupun tidak terlintas di hati seperti yang telah terjelma pada hari ini, tetapi ia bukan pula tidak menjadi hasrat untuk membina tian emas di atas persada kedua negara satu turunan Malaysia/Indonesia dan Negeri Sembilan/Minangkabau khususnya.

Kerana kurangnya minat atau kelalaian orang tua-tua kita dulu untuk merakamkan larian sejarah yang berlaku dalam zamannya menjadikan kita yang berada di hari ini terpaksa meraba-raba dalam kegelapan untuk mencari fakta-fakta yang tepat.

Sebagai contoh, kalaulah tidak ada Tun Seri Lanang dan Munshi Abdullah dan lain-lain yang tidak begitu ramai bilangan orang seumpamanya merakamkan peristiwa yang berlaku beratus-ratus tahun yang lalu, apakah kita semua yang menghuni alam tanahair hari ini mengenali Sejarah Melayu dan Hikayat Abdullah dengan segala isi yang terkandung di dalamnya?

Memang tidak siapa yang boleh menafikan, untuk mengumpulkan kepingan-kepingan sejarah yang berselerak di sana sini itu bukanlah satu kerja mudah seperti menghadapi makanan yang telah sedia terhidang. Ia memerlukan banyak waktu dan tentunya juga ongkos yang tidak sedikit jumlahnya.

Sebagai seorang yang amat meminati dalam bidang ini saya cuba menyusun lagi peristiwa ini untuk dibukukan semoga ada menafaatnya kepada kita sekalian. .

Buku kecil ini diberi nama 'PAYUNG TERKEMBANG' mengambil sempena hubungan kembali di antara Negeri Sembilan/Minangkabau khususnya dan Malaysia/Indonesia umumnya.

Sebagai insan biasa, tersalah silap mohon dimaafkan, wasallam.

Salam hormat dari,


Hamba yang ikhlas

A SAMAD IDRIS

Teratak Desa

Kuala Lumpur

1hb. Disember, 1989



Telefon: Seremban 722421 & 722311
PEJABAT MENTERI BESAR,
TINGKAT 5B, WISMA NEGERI,
70502 SEREMBAN



فجاجة منتري بسر
نكري سمبيلن

M.B.N.S. 1.09 MENTERI BESAR, NEGERI SEMBILAN
5 Disember 1989

SELEMBAR HARAPAN

Rintisan yang telah dibuat oleh Tan Sri Dato' Samad yang mengimbas kembali pertalian Negeri Sembilan dan Minangkabau seharusnya menjadi ikutan dan warisan bagi generasi akan datang.

Seperti yang kita semua maklum, sebahagian besar dari orang Melayu Negeri Sembilan berasal dari tanah Minangkabau. Perhubungan ini bukan sahaja mengeratkan tali persahabatan dan persaudaraan di antara Negeri Sembilan dengan Sumatera Barat malahan di antara Malaysia dan Indonesia.

Perkaitan dari segi adat dan budaya di antara kedua rumpun bangsa yang terpisah oleh angkara penjajah sejak beratus tahun yang lalu seharusnya menjadi contoh teladan dan panduan yang sebaik-baiknya bagi kita sekalian mengingati yang baik menjadi teladan dan yang buruk menjadi sempadan.

Perjanjian kota kembar di antara Seremban dengan Bukit Tinggi seperti yang telah saya tandatangani lebih setahun yang lalu menjadi asas yang kukuh bagi bagi memupuk dan membajai lagi supaya pokok yang ditanam itu hidup subur dan dapat dipetik buahnya.

Buku yang ditulis oleh Tan Sri Datp' Samad yang bertajuk 'Payong Terkembang' ini adalah salah satu dari usaha yang sangat baik bagi mengingati dan mengenangkan serta panduan bagi generasi yang akan datang.

Salam hormat,

(DATO' HJ. MOHD ISA BIN HJ. ABDUL SAMAD).



HARUN ZAIN

Jalan Galuh II No. 16

Telp. : 714978 dan 7203959

Kebayoran Baru — Jakarta Selatan

Jakarta, 20 Nopember 1989

Asallamu allaikum Wr.Wb.

Pertama-tama izinkanlah saya menyatakan hormat beserta bangga dari lubuk hati saya yang sedalam-dalamnya kepada Tan' Sri Datuk Samad Idris, sahabat karib saya, seorang mantan Menteri Besar Negara Sembilan di Malaysia yang memprakarsai penerbitan buku mengenai : "Sejarah hubungan rakyat Negeri Sembilan dengan rakyat Minangkabau.

Buku ini tidak saja akan bermanfaat bagi masyarakat di Negeri Sembilan dan masyarakat Minangkabau, tetapi pula mempererat sekaligus hubungan keakraban antara rakyat Malaysia dan Indonesia.

Pada mulanya Tan Sri Datuk Samad Idris menginjakkan kaki beliau di ranah Minang pada tahun 1968, dimana pada waktu itu kami berdua belum saling mengenal lagi.

Baru dalam suatu peristiwa dimana beliau membawa rombongan sepak bola Malaysia ke medan kami saling berjumpa dimana sejak semulanya terasa ada hubungan bathin yang kuat antara kami berdua.

Kemudiannya beliau berkali-kali datang ke Minangkabau dan selalu berjumpa baik dengan para Ninik Mamak, Datuk Kepala Adat maupun dengan Cerdik pandai di Sumatera Barat, sehingga proses persahabatan yang berasal serumpun tersebut makin mesra.

Peristiwa yang patut dicatat pula adalah pengiriman suatu Tiem kesenian Minangkabau sebesar ± 60 orang ke Malaysia, khususnya ke Negeri Sembilan pada tahun 1968 yang terbukti sangat berkesan bagi masyarakat tersebut, sehingga menimbulkan rasa ingin lebih kenal dan berdekatan dengan masyarakat Minangkabau yang terbukti berasal dari rumpun yang sama, dimana sebelumnya itu hubungan kedua masyarakat tersebut terputus selama kurang lebih 200 tahun.

Hubungan kunjung-mengunjungi antara masyarakat Minang di Sumatera Barat dengan masyarakat keturunan Minang di Malaysia khususnya dari Negeri Sembilan berlangsung makin ramai dan mesra. Hubungan persaudaraan ini kemudian terbukti turut meningkatkan pula hubungan baik antara rakyat Malaysia dengan rakyat Indonesia pada umumnya.

Suatu peristiwa yang sangat berkesan dan menjadi kenangan yang berarti adalah dimana DYMN . Tuanku yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan mengurniakan Gelaran Kebesaran Datuk, semula kepada saya, kemudian pula kepada Bapak Ir. Azwar Anas, pengganti saya sebagai Gubernur Sumatera Barat.

Peristiwa tersebut sangat penting dalam melanjutkan keakraban, tidak saja antara masyarakat Negeri Sembilan dan Minangkabau, tapi lebih² lagi mempertebal tali ikatan persahabatan antara rakyat Malaysia dan Rakyat Indonesia yang sekarang sama-sama sedang berpacu dalam kiprah pembangunan masing-masing.

Dalam rangka hal-hal tersebut kita semua menghargai usaha Tan Sri Datuk Samad untuk menerbitkan buku hubungan sejarah antara rakyat Negeri Sembilan dan Minangkabau.

Semoga buku ini akan lebih membuka tabir sejarah dari dua keluarga besar yang berasal dari rumpun yang sama, sehingga generasi kita sekarang, lebih-lebih lagi generasi penerus yaitu anak kemenakan kita akan lebih memperdalam lagi nilai-nilai luhur yang terkandung dalam sejarah perkembangan nenek moyang kita. Karena itu nilai sejarah dan nilai budaya dari buku ini sangat berharga.

Sekali lagi, saya ucapkan selamat atas penerbitan buku sejarah mengenai "Hubungan rakyat Negeri Sembilan dengan Minangkabau".



HARUN ZAIN

Datuk Sinaro,
Datuk Purba Jasa Di Raja



MENTERI PERHUBUNGAN

REPUBLIK INDONESIA

S A M B U T A N

TYT DATO' SERI UTAMA MAJOR GENERAL

IR H. AZWAR ANAS SPNS

Assalamuallaikum W.W.

Dengan memanjatkan Puji dan Syukur Kehadirat ALLAH Tuhan Yang Maha Esa, kami menyambut gembira prakarsa Yang Mulia Tan Sri Dato' Samad Idris untuk menggali, melestarikan, merangkum hubungan Nenek Moyang Kita dalam sebuah buku ;

" PAYUNG TERKEMBANG "

Diterbitkannya buku ini, tentunya akan menjadi satu khasanah pemersatu dan mengikat kita sebagai satu Rumpun Bangsa Melayu yang berkembang sesuai dengan perkembangan sejarah masing-masing untuk mencapai cita-cita membangun masyarakat yang makmur, harmonis dan damai di-kawasan ini.-

Akhirul kata, Semoga Allah Subhana Wataala akan selalu me-Ridhoi kita semua dan kiranya hubungan kekeluargaan masyarakat se-Rumpun antara Negara Malaysia & Indonesia akan menjadi lebih kokoh lagi.-

A m i e n-

Jakarta , November 1989

TYT DATO' SERI UTAMA MAJOR GENERAL

IR H. AZWAR ANAS SPNS

GELAR DATUK RAJO SULAIMAN



GUBERNUR KEPALA DAERAH TINGKAT I SUMATERA BARAT

S A M B U T A N

GUBERNUR KEPALA DAERAH TINGKAT I SUMATERA BARAT

Bismillahirrahmanirrahim.

Pertama-tama kami sampaikan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada yang terhormat Tan Sri Datuk A. Samad Idris, atas perhatian serta usaha yang sungguh-sungguh dan tulus ikhlas dari beliau untuk mengungkapkan adanya pertalian darah dan adat istiadat antara Negeri Sembilan dan Minangkabau Sumatera Barat. Ternyata hasrat untuk mengungkapkan adanya pertalian tersebut telah tumbuh dan berkembang sejak masa muda beliau, didorong oleh perasaan yang beliau miliki akan adanya pertalian tersebut, semenjak masa kanak-kanak beliau.

Telah sama kita ketahui bahwa pertalian dimaksud bukanlah karena kebetulan, atau dibuat-buat berdasarkan keinginan ataupun basa-basi karena ada suatu kepentingan dibelakangnya, tetapi pertalian tersebut terbentuk melalui suatu peristiwa sejarah yang jelas. Hanya saja peristiwa tersebut kurang didukung oleh catatan-catatan tertulis, karena kebiasaan yang berlaku bagi pendukung adat Perpatih pada masa itu bahwa untuk mengenang suatu peristiwa sejarah, hanya disampaikan melalui penuturan dari mulut ke mulut ataupun melalui dendang puitis, yang pada lahirnya dirasakan sebagai pe-

lipur lara; dan penyampaiannyapun tidak teratur sebagaimana jalannya peristiwa sejarah dimaksud.

Sungguhpun demikian, dari bukti-bukti dan peninggalan yang berserakan di lapangan pada kedua kawasan tersebut, ditambah lagi dengan kesamaan sikap dan tingkah laku serta tata cara kehidupan masyarakatnya, seperti yang dapat dilihat pada adat istiadat yang dipakai, memberikan petunjuk yang jelas bahwa pertalian tersebut memang ada.

Kendala lainnya yang menyebabkan kaburnya jejak sejarah itu, adalah karena kedua kawasan ini sempat dijajah oleh dua kekuatan besar yang berbeda dalam masa yang cukup lama. Sehingga seolah-olah kedua kelompok masyarakat tersebut telah terlepas dari rumpunnya dan telah menuliskan sejarahnya masing-masing.

Selanjutnya, sesuai dengan jalan sejarah masing-masing, kedua kawasan tersebut sama-sama memperoleh kemerdekaannya. Negeri Sembilan berada dalam kerajaan persekutuan Malaysia merdeka, dan Minangkabau berada dalam Negara Republik Indonesia merdeka, dua negara bertetangga yang mempunyai akar budaya serumpun.

Dalam kondisi yang demikianlah yang terhormat Tan Sri Datuk A. Samad Idris berusaha menyusun kembali carikan-carikan peristiwa masa lalu itu, dalam sebuah buku yang dapat diwariskan kepada anak cucu, generasi penerus dari kedua kelompok tersebut, bahkan bagi kedua negara bertetangga. Suatu usaha yang mempunyai makna besar di bidang pendidikan dan kebudayaan untuk masa kini dan masa depan bagi kedua belah pihak. Semoga usaha ini akan menjadi amal saleh bagi beliau di sisi Allah Tuhan Yang Maha Kuasa.

Harapan kami semoga buku yang disusun oleh Tan Sri Datuk A. Samad Idris ini akan semakin memperjelas pertalian dan akan saling mendukung dengan kajian yang sedang dilaksanakan pula di Sumatera Barat, yang menitikberatkan pada kajian hubungan kekerabatan antara Diraja Negeri Sembilan dan Minangkabau, yang telah pula mendapat perkenan dan restu dari DYMM

Tuanku Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan. Dengan demikian kami yakin bahwa apa yang telah dilakukan adalah merupakan awal dari upaya yang lebih luas di masa yang akan datang, sesuai dengan selogan yang telah dikumandangkan "Payung telah berkembang, kembang yang tiada kan kuncup lagi".

Akhirnya, kami ucapkan terimakasih atas kehormatan yang telah diberikan kepada kami untuk memberikan sambutan dalam buku ini. Mudah-mudahan terbitnya buku ini akan memberi manfaat kepada Negeri Sembilan dan Sumatera Barat pada khususnya, serta kepada kedua bangsa dan negara (Malaysia dan Indonesia) pada umumnya.

GUBERNUR KEPALA DAERAH TINGKAT I
SUMATERA BARAT



DRS. HASAN BASRI DURIN



*“CHANGGAI PUTERI”
Chogan Kebesaran Peribadi
Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Besar
Negeri Sembilan*




DULI YANG MAHA MULIA
YANG DIPERTUAN BESAR, NEGERI SEMBILAN
TUANKU JA'AFAR IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN
DK., DMN., DK (Brunei), DK (Kelantan), DK (Kedah), DK (Selangor)
DK. (Perlis), DK (Johor).



**DULI YANG MAHA MULIA
TUNKU AMPUAN, NEGERI SEMBILAN
TUNKU NAJIAH BINTI TUNKU BESAR BURHANUDDIN., DK.**



DYMM Tuanku Jaafar, DYMM Tunku Ampuan bersama-sama dengan putera, puteri, menantu dan cucu-cucunya. 1987.



Y.A.M. DATO' MENDIKA MENTERI AKHIRULZAMAN
DATO' HAJI MUSA BIN WAHAB, DTNS., P.J.K.
(UNDANG LUAK JELEBU)



YAM DATO' JOHAN PAHLAWAN LELA PERKASA SITIAWAN
DATUK ABDUL BIN JALI, DTNS.,
(UNDANG LUAK JOHOL)



**Y.A.M. DATO' SEDIA RAJA DATO' HAJI ADNAN BIN
HAJI MA'AH, D.T.N.S.
(UNDANG LUAK REMBAU)**



**Y.A.M. KOL. TUNKU SYED IDRUS AL-QADRI BIN
TUNKU SYED MOHAMAD - TUNKU BESAR
TAMPIN, DTNS.
(TUNKU BESAR TAMPIN)**



Datuk Raja Penghulu Rashid Manggis

Bapak Datuk Rashid Manggis yang menjadi penasihat kepada rombongan misi muhibbah kesenian Minang ini telah menulis catatan kenang-kenangannya selama berada di Negeri Sembilan dan Malaysia.

Beliau bukan saja seorang tokoh adat yang memegang gelaran Datuk Raja Penghulu malah ia seorang sasterawan, ahli pemedatu yang handal. Beliau telah pergi lebih dulu meninggalkan kita, semoga Allah S.W.T. mencucuri rahmat ke atas rohnya.

Beliaulah Datuk Lembaga Minang yang pertama saya temui dalam lawatan yang pertama dalam bulan Januari 1968. Pertemuan ini diadakan waktu malam di Bukit Tinggi di Hotel saya menginap.

Catatan beliau ini diperturunkan sepenuhnya untuk tatapan pembaca sekalian.

SELENGKAR KENANGAN

Saya dahului dengan limpah kasih Bapak Dato' Rashid Manggis (Dato' Radjo Panghoeloe) yang telah memberikan saya peluang untuk mengukir se-patah dua kata dalam bukunya "Payung Terkembang" ini, di mana secara kebetulan pula kelahirannya sebagai kesan perjalanan rombongan muhibbah kesenian Sumatera Barat ke Negeri Sembilan pada penghujung tahun 1968 yang lalu.

Seperti sama-sama kita maklum, bahawa hubungan Minangkabau dengan Negeri Sembilan telah terjalin sejak kurun yang ke lima belas lagi.

Kedatangan orang-orang Minangkabau ke Negeri Sembilan yang menyeberangi Selat Melaka dalam kurun-kurun sebelum kedatangan penjajah-penjajah Eropah ke Alam Melayu ini, ternyata sebagai satu keluarga yang besar pindah dari rumah lama ke rumah baru dalam sebuah kampung; bukan sebagai anak dagang seperti mana kedatangan orang-orang China, India, Arab ke Alam Melayu ini.

Kedatangan Raja Melewar pada tahun 1773 merajai Negeri Sembilan yang dijemput oleh pembesar-pembesar Negeri Sembilan ketika itu telah menam-bahkan lagi ramainya orang-orang Minangkabau berhijrah ke Negeri Sem-bilan. Peristiwa ini benar-benar membuktikan dengan sah, bahawa Negeri Sembilan adalah negeri kedua bagi orang-orang Minangkabau yang menetap di daerah-daerah dan di negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu seumpama di Luak Naning, Melaka, Kuala Lumpur dan sekitarnya, di Perak, Pahang dan lain-lain tetapi lebih besar ertinya bagi Negeri Sembilan; kerana

telah mewujudkan sebuah Kerajaan yang rajanya juga didatangkan khas dari Minangkabau, sehingga pentadbiran negeri yang menurut Adat Perpatih dan Ketemenggungan dapat dijalankan sebagai satu cara hidup orang-orang Negeri Sembilan yang dibawanya dari Minangkabau sebelum penjajah Inggeris berchokol mencampuri secara langsung pemerintahan Negeri Sembilan pada pertengahan dan akhir kurun yang ke sembilan belas.

Semenjak tahun 1773, lebih-lebih lagi setelah Inggeris menjajah Negeri Sembilan dan Semenanjung Tanah Melayu, manakala Belanda menjajah Minangkabau di Indonesia pula, perhubungan langsung antara kedua daerah telah terputus; meskipun ada juga orang Minangkabau yang berulang alik dari Negeri Sembilan ke Minang dan sebaliknya. Hal ini tentulah kerana kebenaran sejarah kekeluargaan itu.

Seperti kata-kata sakti pusaka moyang kita:

“Pohon bergoyang angin berhembus,
Tunduk dedalu dipukul ribut.
Air dicincang masakan putus,
Biduk lalu kiambang bertaut”.

Dengan izin Allah yang maha berkuasa tiada siapa yang dapat menahan setiap kehendakNya; maka kunjungan saya yang pertama ke Sumatera Barat pada awal bulan Januari 1968 itu telah dapat menjalinkan semula perasaan kekeluargaan yang sedia mekar di telok hati. Diadakanlah langkah utus mengutus dan akhirnya dengan restu Yang Mulia Bapak Gabenor Drs. Harun Al-Rashid Zain telah berkenan mengirinkan rombongan kesenian muhibbah Sumatera Barat ke Negeri Sembilan khasnya dan beberapa daerah lain amnya, yang dipimpin oleh Yang Mulia Bapak Drs Achirul Yahya Wali Kota Padang dan Bapak Yackob Isman M.A. Dekan Fakultas Keguruan Seni dan Sastera/IKIP Padang, Bapak Rashid Manggis Dato' Raja Panghoeloe selaku penasihatnya, manakala Bapak Yusaf Rahman sebagai pemimpin musiknya. Kesan dari misi muhibbah kesenian Sumatera Barat ini telah meninggalkan kemurnian denyut rasa yang amat mendalam di jiwa orang-orang Negeri Sembilan, meskipun sambutan dan layanan yang diberikan agak kurang memuaskan, kerana adanya kekurangan-kekurangan yang tidak dapat dielakkan. Saya sebagai pengerusi sambutan mengakui perkara yang kurang menyenangkan ini, tetapi kami merasa amat bertuah dan bangga, kerana rasa

kekeluargaan itu telah dapat mengatasi segalanya, maka agak lega jugalah hati kami melepas misi kesenian ini pulang dengan restu kasih dan sejahtera di antara linangan air mata dalam menahan sebak dada.

Usaha yang dibuat oleh Bapak Rashid Manggis Dato' Radjo Panghoeloe menyusun buku kenang-kenangannya selama berada di Negeri Sembilan dengan sulaman pengalamannya yang lain-lain amatlah mengembirakan saya; lebih-lebih lagi nama buku "Payung Berkembang" ini adalah nama lagu yang dicipta dan digubah oleh Bapak Yusaf Rahman sebagai kenang-kenangan selama berada di Negeri Sembilan. Saya berharap Bapak Dato' Radjo Panghoeloe akan merakamkan sepenuhnya senikata lagu ini dalam bukunya; seboleh mungkin disertakan dengan nadanya sekali supaya dapat dinyanyikan oleh anak-anak kita sebagai senandong jiwa untuk memupuk jalinan mesra hubungan kekeluargaan yang telah terputus sejak dua abad lamanya itu. Mudah-mudahan dari segala unjok kerelaan dan kesedaran ini akan kembang harumlah keluhuran rasa sepanjang zaman.

Akhir kata antara pengalihan rasa bangga terhadap usaha ini saya rakamkan sejangkit madah, yang diharapkan berkat keramat bumi dipijak, berkat tuah langit dijunjung akan abadikan dalam sejarah:

"Negeri Sembilan ke Minangkabau,
Selat Melaka airnya tenang.
Tali persaudaraan mesra menghimbau,
Adat Pusaka selamanya dikenang".

Kuala Lumpur
1hb. Ogos, 1969

Dato' A. Samad Idris

Pertama kali saya berkunjung ke Negeri Sembilan menghadap D.Y.M.M. Yang Di Pertuan Besar di Istana Besar Seri Menanti adalah dalam tahun 1943.

Dua puluh lima tahun kemudian dalam tahun 1968, saya beroleh peluang sebagai Penasihat Ahli Missi Muhibbah Kesenian Sumatera Barat datang kedua kali dengan jejak yang lebih berkesan ke Malaysia amnya dan ke Negeri Sembilan khasnya.

Berjenis bahan dan keterangan tercatat dari beberapa ahli teromba, begitupun dari Pejabat dan orang bermartabat dapat saya himpunkan untuk menyusun buku kecil ini.

Kepada yang Berhormat Dato' Setia Dewangsa Haji Abdul Samad Idris J.M.N., A.M.N., P.J.K., J.C., Timbalan Menteri Besar Negeri Sembilan ketika itu dan semenjak bulan Mei 1969 menjadi Menteri Muda Pembangunan dan Luar Bandar Malaysia saya sangat berterima kasih atas dua buah buku karya beliau yang beliau hadiahkan kepada saya.

Buku yang berjudul "TAKHTA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN" diterbitkan tanggal 1 April 1961 dan yang berjudul "NEGERI SEMBILAN DAN SEJARAHNYA" terbitan bulan Maret 1968, saya manfaatkan sebagai tiang mercu dalam menyusun buku kecil ini.

Maka naskah ini saya susun adalah hendak mengenang bangsa serumpun yang mendiami Indonesia dan Malaysia umumnya, bumiputera Negeri Sembilan

di Semenanjung dan suku bangsa Minangkabau di Andalas khususnya yang sungguhpun dua abad lamanya dipisahkan sejarah telah dipertautkan sejarah pula kembali.

“Janiah aianyo di Kiambang,
tampek ‘rang mandi pulang-pai.
Kini payuang alah terkambang,
kambang nan indak kucuik lai.”

Guguak Limpapeh Agus 1969
Bukit Tinggi

BAHAGIAN PERTAMA

Misi Muhibbah Sumatera Barat bertolak dari Bukittinggi melalui Dumai ke Melaka

Di antara tanah-tanah menanjung yang membujur dari Barat Laut ke Tenggara di muka bumi ini adalah sebuah di Asia Tenggara, yang dahulu oleh penduduknya lazim disebut Semenanjung Tanah Melayu, terletak antara Laut China Selatan dengan Selat Melaka, berbatas sebelah Utara dengan Muang Thai, sebelah selatan dengan Singapura dan kepulauan Riau yang bertaburan laksana Zabazad.

Sejak kemerdekaannya diisytiharkan tanggal 31 Agustus 1957 Semenanjung sebagai negara merdeka disebut resmi Malaysia dan sejak tahun 1963 adalah di Malaya pula yang atas kebulatan segala raja-raja dalam negara itu telah naik takhta dan dinobatkan Duli Yang Maha Mulia Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan ke-8 Tuanku Abdul Rahman Ibni Almarhun Tuanku Muhammad Shah sebagai raja Malaysia yang pertama dengan bertegak gelar Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang Di Pertuan Agong.

Agak kepinggang Malaysia bahagian Barat inilah terletak Negeri Sembilan, berbatas sebelah Utara dengan Negeri Selangor dan Negeri Pahang, sebelah Selatan dengan Negeri Melaka dan Negeri Johor, sebelah Timur dengan Pahang, sebelah Barat dengan Selangor, Selat Melaka.

Bilamana kita ketahui, bahawa di antara Bumiputera Melayu di seluruh Negeri Sembilan tidak kurang daripada 80% Minangkabau sejak dari rakyat sampai kepada rajanya, maka tidaklah menghairankan, bahawa sungguhpun berbilang abad merela dipisahkan sejarah dari penduduk asli Minangkabau yang hidup di Andalas Tengah, namun kait-kait tidak pernah sekah, kendatipun

ada kalanya cermin sejarah agak kabur, akibat siasat penjajahan dua bangsa asing, yang sejak 17 Agustus 1945 di Indonesia dan 31 Agustus 1957 di Malaya telah menurunkan dan melipat bendera merdeka masing-masing seraya membawanya kembali pulang, ke Laut Utara.

Tatkala mengentak kempu kaki mendenyut keubun-ubun Y.B. Dato' Abdul Samad Idris Timbalan Menteri Besar Negeri Sembilan, maka di angin yang telah reda di laut yang telah tenang di cuaca yang sedang cerah, menjelang tahun 1968 yang baru terbang ke Sumatera Barat sehingga pertemuan Dato' Samad dengan Gabenur Kepala Daerah Sumatera Barat Drs Harun Zain adalah ibarat ruas dengan buku. Hasil rundingan yang segera padu antara kedua pemimpin ini ialah dengan diberangkatkan oleh Gabenur atas persetujuan DPRK GR Tk I suatu rombongan, yang diberi nama "Muhibbah Kesenian Sumatera Barat" ke Negeri Sembilan Malaysia. Landasan persetujuan bersama Gabenur dengan Timbalan Menteri Besar berbunyi antara lain:

".....Kedua belah pihak yakin, misi Muhibbah Kesenian ini akan merupakan langkah yang sangat penting untuk lebih meningkatkan kerja-kerja sama kebudayaan antara Indonesia dengan Malaysia umumnya, Sumatera Barat dan Negeri Sembilan khusus nya”1)

Adapun pesan dari hati ke hati Gabenur Sumatera Barat adalah sebagai berikut:

“Dalam waktu yang singkat mungkin manusia akan dapat menghubungkan bumi dan bulan dan kemudian dengan planet-planet yang lain. Tetapi pekerjaan yang terberat bagi manusia ialah menghubungkan antara hati sesama mereka untuk menumbuhkan saling pengertian dan saling mempercayai guna mencipta suasana yang baik untuk menyelamatkan dan mengembangkan tujuan hakiki dari kehidupan ini”.

1) Dikutip dari Persetujuan bersama antara Gabenur Sumatera Barat dengan Timbalan Menteri Besar Negeri Sembilan. Dan Yakub Isman MA Dekan Fakultas Keguruan Seni dan Sastera IKIP Padang selaku Wakil Ketua/Penanggung Jawab Harian.

“Mudah-mudahan niat yang terkandung di hati rakyat dan pemerintah Sumatera Barat dalam mengirimkan suatu Muhibbah Kesenianya ke Negeri Sembilan khususnya dan Malaysia umumnya, iaitu untuk ikut membangun jambatan yang akan menghubungkan antara hati rakyat serta pemerintah Indonesia dan Malaysia yang damai dan penuh rasa persaudaraan yang jujur, akan tercapai hendaknya.

“Muhibbah Kesenian ini adalah suatu penjelmaan dari rasa persahabatan antara rakyat dan pemerintah Sumatera Barat dengan Negeri Sembilan khususnya serta rasa persahabatan antara rakyat dan pemerintah Indonesia dan Malaysia umumnya. Sebagai suatu penjelmaan, maka ia harus dinilai dari kandungan niat yang menjelmakan itu.

Padang, 22 Oktober 1968.
GABERNUR KEPALA DAERAH
SUMATERA BARAT
ttd
(HARUN ZAIN)

Rombongan 60 orang di antaranya 44 orang penari, penyanyi dan pemain muzik, sedang di antara jumlah bedaya dan biduan itu terdapat 14 orang puteri mahasiswa IKIP dan UNAND. Pimpinan dipegang oleh : Letkol (P) Drs Achirul Yahya Wali Kota Kepala Daerah Padang sebagai Ketua/Penanggung Jawab Umum.

Hari Senin petang lepas Asar tanggal 28 Oktober 1968 rombongan bertolak dari kompleks FKSS/IKIP Bukittinggi, tempat para anggota Missi berkumpul. Jalan Otobis dua sejoli tidak sangat laju, tidak pula tertegun-tegun dan sekejap lagi berkumandangnya sekonyong-konyong sebuah lagu mineur Minang nyanyian bersama dengan suara yang empuk merdu sebagai hendak mengucapkan selamat berpisah sementara dengan gunung Marapi. Tinggalah Luhak Agam yang “Buminyo hangek, aianyo karuah, ikannyo lia”. Kini rombongan menempuh Luhak yang “buminya sajuak, aianyo janiah, ikannyo jinak”. Limopuluah Koto.

Sungguhpun matahari tidak kelihatan lagi kerana hendak masuk puadai, limpahan sinar lembutnya masih menerangi samar-samar bagian-bagian kampung dengan sawah-sawah luas berbanjar bagai khatifah, sedang wanita kampung tua muda berangsur pulang ke rumah masing-masing dengan langkah gumalai bagai burung undan turun ke telaga.

Tak lama setelah tirai senja dilabuhkan alam, rombongan melakukan tugas: shalat Maghrib; sudah itu mengisi “kampuang tengah” 1). Sungguh sedap makan bersama “sadunsanak” menyuap nasi putih suam-suam kuku! Dan apa yang tidak: goreng belut berlada, goreng ayam nuda gulai babat-tembungsu, gulai cancang bertulang rawan, sampai kekalio jering. Selesai menghitung dengan orang lepau dan rombongan telah mengambil tempat masing-masing dengan bis semula, abang sopir membunyikan lagu “Selamat tinggal” berkulin-kulin dengan jari tangannya yang mahir. Bis dua sejoli menempih jalan dalam alam yang kelam; segala roda berpusing hati-hati keliling sumbunya, apa lagi jalan sempit mendaki “kelok sambilan”. Sungguhpun tidak banyak yang dapat dilihat mata kepala di tengah jalan kerana berjalan malam itu, tetapi ada juga yang dapat dipandang mata hati:

KAMPAR

Kampar Kanan inilah yang dimudikkan orang Hindu dahulu dan membangun kota di Muaro Takuih terkenal dengan nama “Talago Undang” seraya menegakkan Stupa yang siap dibina dalam tahun 778.

Banyak yang harus diselidiki tentang Limo Koto: Batu “Basurek” atau tidak “basurek” di Muaro Mahek dan Muaro Takuih, baik yang telah diketahui tempatnya maupun yang belum dikenal tumpaknya, menanti penggalian tangan ahli sejarah atau purbakala.....

Apa yang dicatat dalam perjalanan, selain daripada kesibukan berjenis kenderaan bermotor di tempat-tempat penyeberangan seperti Rantau Barangin dan Danau Bingkuang. Menjelang fajar bis dua sejoli masuk kota Pekan Baru yang di sana sini telah bangun dari tidur nyenyaknya dan telah mulai

1) “perut” maksudnya makan.

memegang buatan masing-masing dan tidak jauh dari pensiun Daan yahya, para anggota rombongan sempat merebahkan badannya barang dua jam. Masalah yang dihadapi kini adalah, bahawa rombongan tidak dapat sekali diberangkatkan dari Dumai ke Melaka, kerana muatan Ferry kapal kecil penghubung itu dihadkan hingga 50 orang termasuk awak kapal. Barang yang dibawa pun tidak sedikit; selain daripada alat-alat bunyi-bunyian dan beberapa peti besar berisi lebih kurang 100 pasang pakaian tari, nyai dan musik, tidak ada anggota yang membawa hanya sebuah kopor.

Berangkatlah trip yang pertama menuju Dumai yang jaraknya dari Pekan Baru 200 KM lebih. Bagi saya yang baru pertama kali ke Dumai tentulah menjadi perhatian akan sesuatu yang tampak sepanjang jalan. Dahulu tahun 1921 selama saya duduk 2 1/2 tahun di Siak Seri Inderapura saya dengar dari Datuk-Datuk, bahawa daerah-daerah Tapung dan Mandau dalam kerajaan Siak tak lebih dari pada rimba raya, didiami manusia kerdil yang hidup mengelana. Di dengar juga, bahawa berpuluh-puluh jenis kayu kayuan yang tumbuh dalam rimba itu sangat baik sekali mutunya untuk pembangun gedung-gedung, rumah-rumah bis oto, bagian kapal dan berjenis perkakas. Oleh Direktur "Houtaankap Maatschappaij Midden Sumatera" (HMMS) H.C. Bluntschli orang Suis pernah saya diundang dengan menaiki stoomberkas "Bantu" kepunyaan maskapai tersebut masuk kuala Siak Kecil, anak sungai Siak ke dalam hutan. Saya melihat kayu kayuan besar-besar dan tinggi-tinggi dengan lebatnya. Lain daripada itu tak ada yang dapat saya ceritakan, kerana saya tidak memiliki ilmu kehutanan atau perkayuan. Ketika itu telah terdengar jugas samar-samar di Siak, bahawa telah ada orang Amerika yang menaruh perhatian besar dan ingin membuka hutan dan bukan untuk menebang kayunya, tetapi hendak membor minyak yang berkilam dalam perut bumi. Dari Yang Di Pertuan Besar Tuanku Sultan Syarif Kasim Abdul Jalil Syaifi'ddin di Istana Siak saya dengar cara kebetulan, bahawa Yang Di Pertuan Besar tidak keberatan yang berminat melakukan eksplorasi. Tertarik pula berita konon di bahagian lain dalam kerajaan Siak juga pernah didapati jauh sebelum tahun emas. Menurut cerita yang saya dengar dari Tengku Saleh di Pasir Pengiraian, makany tempat itu dinamai demikian, kerana dahulu adalah tempat orang kampung mengirai pasir untuk memperoleh tahi emas.

Yang jelas ialah, bahawa di daerah Kampar Kiri memang ada emas, ada batu bara. Dalam tahun 1922 pernah saya pergi sekali setahun meninjau ke Sibayang, Singingi dan Muaro Lambu melalui Taratak Buluah, Lipek Kain

dan Tambesi. Ke Muaro Lambu saya berkuda ditemani seorang pawang yang telah tua tetapi kuat. Selama bulan Puasa saya menumpang di rumah Datuk Siri seorang Penghulu di antara Ampek Kulipah. Rumah di sana bergonjong seperti di Minang; bentuk rangkiang, lesung kayu, alat-alat pertanian sampai kelukah serupa dengan yang ada di Minang! Tiap-tiap pagi wanita kampung, tua muda mendulang 1) di batang air sebelum mereka mandi dan pulang ke rumah masing-masing membawa tahi emas. Khabarnya tidak kalah dengan emas Manggani. Demikian menurut hasil pemeriksaan sebuah laboratorium di Inggeris, seperti yang pernah saya dengar dari seorang orang putih insinyur tambang yang menggali contoh emas dari dalam tanah konsesi di Kampar Kiri itu.

Emas yang terpendam di pendalaman ini rupanya telah lama mengalimantang sampai ke Barat; dalam daerah ini telah ada dua tanah konsesi dan orang putih yang ketika itu asyik mencari induk emas adalah Ir. P. Grammel seorang orang Jerman. Serentak dengan itu ada pula "Midden Sumatra Handel Maatschappij" (MSHM) dengan H.C. Bluntschli juga sebagai Direktornya. Di daerah eksplorasi yang diberinya bernama "Kampar Kiri Kolenvelden" didapati batu bara yang mutunya katanya, entah mana yang lebih tinggi dengan batu bara ditambang Umbilin M.S.H.S. telah membuat rencana dahulu hendak mulai menambang dan hendak mengeluarkannya dari muara Kampar, Pelalawan.

Akan halnya saya tidak terpicat akan batu bara atau emas. Perhatian saya lebih tertarik pada sejarah. Dalam Tambo Alam Minangkabau saya baca mengenai daerah Kampar Kiri antara lain, bahawa Rantau Sibayang adalah Rantau Tuan Bujang, Rantau Singingi adalah Rantau Tuan Gadih, malah dari Yang Di-Patuan Gunung Sahilan pernah Daulat Yang Di-Patuan Rajo Alam Pagaruyuang menerima "ameh manah" sekali tiga tahun. Ada pula saya baca bahawa Rajo Ibadat Yang Di-Patuan Sambahyang III yang dahulu bersemayam di Sumpu Kuduih hijran bersama isteri Baginda ke Muaro Tambu, sama-sama mangkat di sana dan dimakamkan sejajar di sebuah munggu yang kecenaian. Saya merasa mujur dapat ziarah ke makam itu. Sebagaimana pertemuan dua buah sungai dianggap sakti oleh orang tua-tua dahulu, demikian juga pertemuan Kampar Kiri dengan Kampar Kanan yang menurut

1) "Mendulang" artinya mengayak dengan dulang untuk memperoleh tahi emas.

Tambo dinamakan "Pintu Rayo Hilia" dihormati dan pernah jadi pusat kerajinan dan bandar yang sangat ramai dan pesat di Pulau Andalas seraya kunjungan musafir dari Selat. Demikian keterangan Wilkinson dan Cau Vu Kua.

"Minang-kabwar" di artikan oleh Prof. Dr. Purbacaraka dengan "Simpang Kampar"; sebutan "Minanga Kanwar" diartikan oleh Prof. St. Muhammad Zain dengan "Muara Kampar". Seperti telah disebut di atas, Kampar menanti penyelidikan yang saksama terhadap sejarahnya.....

Sambil melamun balik ke masa hampir setengah abad yang lampau, bis yang membawa trip pertama itu meluncur juga dengan lajunya melalui jalan lebar berasfal hitam tebal. Rumbai dan Duri telah jauh di belakang kami, Minas I dilalui, Minas II dilalui dan yang tampak kiri kanan jalan adalah pompa yang tiap sebentar mengangguk-angguk sendirinya, sedang orang seorang pun tak ada dan tak perlu pula ada, kerana pompa itu pandai sendiri membasutkan minyak bumi dari dalam tanah. Tidak saya hitung berapa jumlah pompa yang "pandai" itu seluruhnya, tetapi jarak pompa yang sebuah dengan yang lain hanya dekat jua.

Sepanjang pinggir jalan menjalar pipa, ada yang sedang baris menengahnya, ada pula yang besar muncungnya menyalurkan minyak kasar ke pelabuhan Dumai untuk diangkut dengan kapal tangki besar ke California Amerika Syarikat tempat membersihkannya dan kemudian tentulah untuk diperdagangkan.

Bukanlah maksud saya di sini menceritakan perihal tidak pula mencantumkan angka-angka produksi sehari kerja atau sekali angkut ke Domai atas kegiatan California Texas (Caltex), Pacific Oil Coy, tetapi apa yang setengah abad yang lalu masih khayal, kini malah sejak lama menjadi kenyataan. Dan rimbaya yang dahulu tidak bertempuh, kini telah diretas dengan jalan lebar berasfal tebal yang menghubungkan Pekan Baru - Dumai dalam hanya 6 jam beroto bis.

Dalam ruang tamu di gedung Pabean Dumai rombongan istirehat dan waktu lebih daripada cukup untuk pergi makan malam ke kedai nasi dan shalat, mandi dalam gedung Pabean dan mencari kenalan di mana perlu. Pukul 9 malam seluruh penumpang harus telah hadir di kapal.

Fery kapal kecil yang menghubungkan Dumai - Melaka sekali sepekan dicarter oleh C.V. "Chaidin Trust Corporation" (Dirtrusco) dikepalai oleh saudara Chaidir berasal dari Padang Panjang, yang kebetulan saya kenal seperempat abad yang lalu sama-sama menyabung hidup di Singapura.

Saya mengambil tempat di geladak haluan, supaya dapat menghirup udara malam dari hadapan. Saya lekas mabuk dalam pelayaran. Di hempaskan ombak laut saya sungguh tak tahan. Sambil menantikan kapal meninggalkan dermaga saya baringkan diri antara tumpukan tali temali dengan pelampung, sedang di antara teman-teman ada yang bergurau, ada yang berkelakar, ada pula bergazal. Pukul satu tengah malam ferry bertolak dari pelabuhan Dumai di juragani oleh nakhoda yang berpengalaman berasal dari Ampek Angkek Agam. Ferry yang dapat muatannya dengan penumpang dan barang-barang kesenian meretas Selat Melaka di malam pirik. Sungguhpun kapal ini kecil dan sederhana, tetapi oleng tidak anggukpun tidak. Gelombang tak terasa. Tepat bila Selat ini dituangkan ke dalam sampiran pantun lama:

"Selat Melaka lautnya tenang,
diretas kapal menuju Timur.
Budi baik tetap dikenang,
tidak kan lupa selama umur."

Diukup oleh udara laut yang nyaman ingatan saya melayang sekonyung-konyung jauh ke suatu saat yang lampau. Saya terkenang suatu ketika yang amat dashyat, tatkala menumpang dari Eropah ke Amerika atau lebih tepat dari Rotterda ke New Youk dengan sebuah kapal samudera yang 27.000 ton besarnya. Adalah saya anggota rombongan kesenian "Devi Ja's Yava - Bali Dance Worldtour" sejumlah 30 orang professional semuanya, di antaranya 12 orang artis wanita yang akan mempertunjukkan kesenian Indonesia dari Timur ke Barat, dimulai di New York di akhiri di Hollywood, bermain pada 27 kota besar dalam Amerika Syarikat. Kapal yang bermuatan 1800 orang penumpang termasuk awak kapal belayar menyeberang Lautan Atlantik dalam menempuh bahaya, kerana sebelum itu tanggal 2 September 1939 telah dimaklumkan ultimatum perang dunia ke dua. Perasaan siapa yang tak akan ngeri dan hati siapa yang (tak akan kecut, tatkala kami lepas Pulau Irlandia menampak sebuah kapal besar tengah tenggelam, sedang puncak tiang terasnya telah tercecah di muka laut yang tidak bertepi itu.

Ada penumpang yang menerka mungkin kapal yang sedang mengakhiri nasibnya ke dasar laut itu korban torpedo!

Beberapa hari setelah kapal yang kami tumpang terhindar dari bahaya laut, Kapten I mengadakan pesta kecil bersama penumpang dimeriahkan dengan tari, nyanyi dan musik oleh artis-artis antarabangsa yang hendak mengadakan pertunjukan kesenian kebangsaan masing-masing ke negeri “dollar” itu.

Alangkah sukacitanya saya tatkala album saya sedia diisi dan ditandatangani oleh bintang filem terkenal Luise Rainer dari Vienna yang hendak bermain filem lagi dengan perjanjian baru di Hollywood! Sukacita kerana filem *The Good Earth* yang dibintanginya telah saya lihat di negeri Belanda.

Luise Rainer memang seorang artis wanita pelakun watak yang menurut surat-surat khabar besar pandai benar melakukan peranannya dan digemari penontonnya di Barat dan di Timur. Ya, ada saja yang dilamunkan, kalau mata tak hendak lelap! Dan pukul berapa saya tertidur di ferry saya tak sedar.....!

Esok paginya tanggal 30 Oktober 1968 bilamana sang surya telah keluar dari peraduannya, kapal kecil kami telah berlabuh di anggar Melaka.

TOKOH-NAMA ORANG DAN TEMPAT

- | | | |
|--|---|---|
| Abdullah bin Dahan, Datuk | - | Yang Amat Mulia Datuk Undang Luak Rembau. |
| Abdul Jalil Hassan, Tan Sri Datuk | - | Bekas Mufti Negeri Johor, bekas Pengetua Kolej Islam, Klang, Pengerusi Majlis Fatwa bergelar Tan Sri dan Datuk. |
| Abu Samah Kasah | - | Teman yang bersama-sama saya kali pertama ke Padang - Peniaga, telah meninggal dunia. |
| Adnan bin Maah, Datuk | - | Yang Amat Mulia Datuk Undang Luak Rembau Yang ke 20 bergelar Datuk Sedia Raja, salah seorang dari Datuk Undang Yang Empat yang memilih dan mendaulatkan Raja (yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan) |
| Ahmad Padang | - | Teman saya di Seremban yang mengenalkan saya kepada abangnya Ali di Padang-ahli perniagaan. |
| Akhirul Yahya Letkol | - | Bekas Wali Kota Padang-Pegawai Angkatan Laut (ALRI). Ketua rombongan Kesenian Minang. |
| Alam Bagagarsyah | - | Raja terakhir di Minangkabau m.s. 439. |

A. Malek bin Yusoff, Dato'	- Menteri Besar Negeri Sembilan yang pertama sesudah Persekutuan Tanah Melayu dibentuk pada 1/2/1948, sebelum itu Negeri Sembilan belum ada jawatan Menteri Besar.
Asal Nama Negeri Sembilan	- Muka surat 137.
Ali Salim	- Abang Ahmad Padang yang menunggu saya di Lapangan Terbang Tabieng sewaktu saya kali pertama sampai di Padang pada 1/1/1968 - telah meninggal dunia.
Azwar Anas, Datuk	- Bekas Gabenor Sumatera Barat, sekarang, Menteri Perhubungan Indonesia.
Batu Sangkar	- Ibu Kota Luhak Tanah Datar
Bendera Negeri	- Tiga warna, merah, kuning dan hitam sama warna dengan marawa atau bendera Minangkabau m.s. 142
Bonda Kandung	- Puteri raja yang amat bijaksana, sekarang ini sering digelar kepada kaum ibu yang beradat m.s. 411.
Bukit Tinggi	- Ibu Kota daerah Luak Agam terletak di atas sebuah bukit, hawanya agak dingin sedikit.

Bunga Setangkai

- Sebuah kerajaan yang berpusat di Sungai Kayu Bertaruk, m.s. 404.

Bukit Batu Patah

- Sebuah lagi kerajaan di Minangkabau m.s. 388.

Daeng Kemboja

- Anak Raja Bugis yang mahu merajai Negeri Sembilan, kalah perang dengan angkatan Raja Melewar.

Datuk Syahbandar Sungai Ujung

- Salah seorang orang besar Luak Sungai Ujung. Kedudukannya selepas Undang Luak. Ia mempunyai kuasanya yang tersendiri yang disebut Waris Di Air. Manakala Datuk Kelana pula dikenali sebagai Waris Di Darat. Kedudukan kedua-dua Datuk Kelana dan Datuk Shahbandar ini menurut kata adatnya, seperti mata hitam dan mata putih.

Dewan Bahasa & Pustaka

- Pusat penerbitan, penyelidikan dan perkembangan bahasa Melayu yang ditubuhkan khusus oleh kerajaan pusat, lebih kurang sama fungsinya seperti Balai Pustaka di Jakarta.

Dusun Tua Lima Kaum

- Lagi sebuah kerajaan di Minangkabau - m.s. 429.

Feri Dudat

- Feri yang berkhidmat mengambil penumpang dari Dumai ke Melaka. Feri inilah yang membawa rombongan kesenian Minang dalam rangka lawatan ke Negeri Sembilan pada tahun 1968.

Gabenor

- Kepala Daerah Tingkat Satu Sumatera Barat - lihat m.s. 292, 293 & 294.

Handoro, Major

- Seorang Pegawai Tentera rakan Ali yang turut menunggu saya di Lapangan Terbang Tabieng Padang - tidak diketahui di mana ia sekarang.

Harun Zain, Datuk

- Gabenor Sumatera Barat sewaktu saya sampai di Padang tahun 1968 - bekas Menteri Tenaga Rakyat - Rektor Universiti, di Jakarta.

Hasan Basri Durin, Datuk

- Mula berkenalan dengan saya ketika menjadi Wali Kota Padang - Gabenor Sumatera Barat sekarang.

Istana Lama

- Istana yang telah dibangunkan oleh Al-Marhum Tuanku Muhammad Shah, siap dalam tahun 1905. Lihat m.s. 262.

Jelevu

- Salah satu daerah (Kebupataan) di Negeri Sembilan.

Kahar Tukang

- Arkitek yang berjaya membangunkan Istana Lama. Kerana jasanya ia dikurniakan gelaran Datuk Panglima Sutan oleh Al-Marhum Tuanku Muhammad Shah.

Kajang

- Nama ibu kota daerah (kebupataan) Ulu Langat dalam Negeri Selangor.

Kamaludin Algamar

- Bupati Tanah Datar - Bupati (Pegawai Daerah) yang pertama saya temui dalam tahun 1968.

Kuala Pilah

- Salah satu daerah (kebupataan) di Negeri Sembilan.

Kuala Lumpur

- Ibu Kota Kerajaan Pusat.

Kuala Dulang

- Nama kampung di daerah Jelebu dan di sini jugalah didirikan masjid yang pertama di Jelebu yang terkenal dengan nama 'Masjid Kuala Dulang'. Setiap orang Datuk Undang yang baru dikerjankan menjadi satu 'adat' menunaikan sembahyang di masjid ini. Ada orang yang menganggap masjid ini sebagai masjid keramat.

Lembah Anai

- Terletak di tengah perjalanan antara Padang dengan Bukit Tinggi, pemandangan yang menarik dengan jalanraya yang berkelok-kelok dan terdapat sebuah air terjun yang cantik.

LKAAM

- Kata singkatan dari Lembaga Kerapatan Adat Alam Minangkabau - sebuah pertubuhan yang dianggotai oleh Datuk-Datuk Lembaga, Bonda Kandung dan Ketua-Ketua Adat Alam Minangkabau. Badan inilah yang menjaga, mengawal, mengembang dan memajukan Adat Perpatih di Minangkabau.

Luak

- Terdapat sembilan luak di Negeri Sembilan. Luak-luak tersebut ialah:
 - i. Sungai Ujung
 - ii. Jelevu
 - iii. Johol
 - iv. Rembau
 - v. Ulu Muar
 - vi. Jempol
 - vii. Gunung Pasir
 - viii. Inas
 - ix. Terachi

Luak Sungai Ujung, Jelevu, Johol dan Rembau mempunyai ketua adat yang dipanggil 'Undang'. Keempat-empat Datuk Undang inilah yang berkuasa melantik raja bila berlaku kemangkatan dan mendaulatkannya sebagai Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan.

Lima Luak selebihnya Ketua adatnya bergelar Penghulu.

Mereka ini tidak berkuasa melantik raja seperti Undang Yang Empat.

Luhak nan tigo

- Luhak asal Minangkabau m.s. 415.

Maninjau

- salah satu danau yang terindah di Minangkabau.

Mansur bin Osman, Dato'

- Menteri Besar Negeri Sembilan yang keempat sesudah Dr. Mohd. Said - pernah menjadi Timbalan Speaker Parlimen.

Menteri Besar

- Ketua Eksekutif Kerajaan Negeri lihat m.s. 283.

Menteri

- Anggota kabinet Kerajaan Pusat.

Medan

- Terletak di Sumatera Utara dan menjadi ibukotanya, Gabenor Sumatera Utara beribu pejabat di sini.

Melaka

- Salah satu negeri (provinsi) dalam Malaysia. Melaka terkenal dalam sejarahnya sebagai sebuah kerajaan Melayu yang masyhur dalam abad kelimabelas, dikalahkan oleh Portugis dalam tahun Masihi 1511.

Merapi

- Sebuah gunung berapi yang dikatakan masih lagi aktif

tetapi tidak berbahaya,
kelihatan jelas dari Bukit
Tinggi dan daerah-daerah
sekitarnya.

Mohd. Said, Dr.

- Bekas Menteri Besar Negeri Sembilan, Doktor Perubatan -bersara.

Mohd. Isa A. Samad Dato'

- Menteri Besar Negeri Sembilan sekarang.

Naam

- Datuk Penghulu Luak Ulu Muar yang terpedaya oleh Raja Khatib, akhirnya ia terbunuh dalam pergaduhan dengan pengikut-pengikut Raja Melewar.

Nama-Nama Suku di Negeri Sembilan

- Nama-nama suku ini berasal dari nama-nama kampung di Minangkabau yang dinamakan oleh peneroka-peneroka Minang yang datang dari kampung berkenaan, kecuali suku Biduanda dan Anak Acheh. Lihat m.s. 77.

Nawawi Indek

- Teman yang bersama-sama dengan saya kali pertama ke Padang - pegawai kerajaan bersara.

Padang

- Ibu Kota Provinsi (negeri) Sumatera Barat. Di sinilah ibu pejabat pentadbiran negeri dan pejabat Gabenor.

Pagar Ruyung	- Tempat bersemayam Raja-Raja Minangkabau zaman dahulu.
Palambang Bendera/Marawa	- Bendera kebesaran Minangkabau m.s. 437.
Pasumayam Koto Batu	- Lagi sebuah kerajaan di Minangkabau m.s. 377.
Penajis	- Nama kampung di daerah Rembau, di kampung inilah Raja Melewar ditabalkan menjadi raja. Berhampiran dengan Kampung Penajis ini ada sebuah kampung lagi bernama Istana Raja.
Paya Kumbuh	- Ibu kota daerah Luak Limapuluh Kota.
Perdana Menteri	- Ketua Eksekutif Negara Malaysia - lihat m.s. 307.
Port Dickson	- Salah satu daerah (kebupataan) di Negeri Sembilan, tepi laut.
Raja Khatib	- Anak raja yang diutus oleh Raja Pagar Ruyung yang belot, mengakui dirinya Putera Raja yang sebenar.
Rais Yatim, Datuk	- Menteri Besar Negeri Sembilan yang kelima sesudah Dato' Mansor, pernah menjadi Menteri kerajaan pusat.

Raja Melewar

- Putera Raja dari Pagar Ruyung dijemput menjadi raja yang pertama di Negeri Sembilan. Senarai raja Negeri Sembilan m.s. 257.

Rashid Manggis

- Datuk Penghulu bergelar Raja Penghulu, Minangkabau, seorang Datuk yang mula-mula saya temui di Bukit Tinggi - tokoh adat - sasterawan.

Rembau

- Salah satu daerah (kebupataan) di Negeri Sembilan.

Seremban

- Ibu kota negeri, Negeri Sembilan (salah satu daerah atau kebupataan) juga bandar yang terbesar di Negeri Sembilan.

Seri Menanti

- Tempat bersemayam Duli Yang Maha Mulia Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan.

Singgalang

- Sebuah gunung yang menjadi kemegahan orang-orang Minangkabau. Kedua-dua gunung, Merapi dan Singgalang sering dijadikan dendangan dalam lagu-lagu yang berirama Minang.

Singkarak

- Satu lagi danau yang terdapat di Minangkabau, ia lebih besar dari Danau Maninjau.

Sultan Selangor

- Salah seorang raja dan ketua dari negeri-negeri Melayu bernama negeri Selangor yang bergelar Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

Tampin

- Salah satu daerah (kebupataan) di Negeri Sembilan.

Tanah Datar

- Ibu Kota daerah Luak Tanah Datar. Dalam Luak ini terletak Istana Pagar Ruyung.

Teluk Bayur

- Sebuah pelabuhan kapal yang terletak tidak jauh dari Kota Padang.

Tunku Besar Tampin

- Salah seorang orang besar Negeri Sembilan yang kedudukannya selepas Undang Yang Empat tetapi tidak termasuk sebagai seorang yang melantik raja.

UMNO

- Kependekan dari bahasa Inggeris 'United Malays National Organisation' dalam bahasa Melayunya, Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu - sebuah parti politik yang didukung seluruhnya oleh orang-orang Melayu yang telah memelopori perjuangan pada peringkat awal, menentang Malayan Union ciptaan dan paksaan penjajah Inggeris dan kemudian berjuang menuntut kemerdekaan.

Yang DiPertuan Agong

- Ketua Negara bagi Malaysia, nama penuhnya Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong yang dilantik setiap lima tahun sekali dari kalangan sembilan orang raja dari negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu iaitu Negeri Sembilan, Selangor, Perlis, Terengganu, Kedah, Kelantan, Pahang, Johor dan Perak.

Yamtuan

- Kependekan dari 'Yang DiPertuan' biasanya digunakan dalam percakapan, dalam penulisan lebih baik digunakan sepenuhnya 'Yang DiPertuan'.

Yusaf Rahman

- Pemimpin Muzik Team Kesenian yang datang ke Negeri Sembilan tahun 1968.

Zainal Abidin Lati

- Teman yang bersama-sama dengan saya kali pertama ke Padang
 - Penghulu Mukim - bersara
 - bekas wakil rakyat.